

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENGURUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
TAHUN 2021 DALAM SITUASI BANJIR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada situasi banjir yang melanda beberapa daerah di Kelantan dan Terengganu. Keadaan ini memberi kesan terhadap persiapan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021 yang dijadualkan pada 2 Mac hingga 29 Mac 2022.

Lembaga Peperiksaan (LP), KPM sentiasa memantau rapi situasi semasa pusat peperiksaan yang terjejas dan telah menyediakan pelan tindakan bagi memastikan calon SPM tahun 2021 dapat menduduki peperiksaan dalam keadaan teratur dan selamat. Berdasarkan ketetapan sedia ada, pengurusan pusat peperiksaan yang terjejas akibat banjir dilaksana mengikut ketetapan Pekeliling Persediaan Menghadapi Banjir Yang Mengancam Perjalanan Peperiksaan Bil.1/2001.

LP juga menyediakan garis panduan khusus mengenai pengurusan menghadapi banjir semasa peperiksaan awam yang meliputi aspek pengurusan sekolah dan pusat peperiksaan, calon peperiksaan,

petugas peperiksaan serta pengurusan bilik kebal. Garis panduan tersebut adalah seperti di **Lampiran 1**.

KPM sentiasa prihatin tentang kebajikan calon yang terlibat dengan banjir. Oleh yang demikian, sekiranya calon peperiksaan SPM 2021 tidak dapat hadir ke pusat peperiksaan disebabkan bencana banjir, calon terlibat boleh menghubungi guru kelas/ Setiausaha Peperiksaan/ Pengetua di sekolah masing-masing bagi mendapatkan maklumat lanjut. Selain itu, calon yang terkesan juga dibenarkan untuk menduduki peperiksaan di pusat peperiksaan lain yang boleh diakses sebagai calon menumpang dan perlu dimaklumkan kepada pusat peperiksaan asal. Perincian lanjut adalah seperti perkara 2.0 di **Lampiran 1**.

Bagi calon atau petugas peperiksaan yang mempunyai sebarang pertanyaan mengenai pengurusan menghadapi banjir semasa peperiksaan SPM ini, sila hubungi bilik gerakan LP dan Jabatan Pendidikan Negeri seperti senarai di **Lampiran 2**.

KPM sentiasa komited untuk melakukan yang terbaik.

– TAMAT –

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**1 MAC 2022**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN MENGHADAPI BANJIR  
SEMASA PEPERIKSAAN AWAM**

**1.0 PENGURUSAN SEKOLAH DAN PUSAT PEPERIKSAAN**

- 1.1 Sekolah atau pusat peperiksaan dinaiki air secara keseluruhan atau tidak dapat dimasuki maka pusat tersebut akan dipindahkan ke sekolah berhampiran sebagai pusat alternatif.
  - 1.1.1 Jika tiada sekolah yang boleh dijadikan pusat alternatif, calon di pusat peperiksaan berkenaan akan menduduki peperiksaan penjadualan semula;
  - 1.1.2 Pihak Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan (SPP), jabatan pendidikan negeri (JPN) akan menghubungi pengetua pusat asal dan pengetua pusat alternatif;
  - 1.1.3 SPP akan menghubungi petugas peperiksaan di pusat asal untuk dimaklumkan pertukaran pusat peperiksaan;
  - 1.1.4 Pengetua atau guru kelas akan menghubungi calon untuk memaklumkan pertukaran pusat peperiksaan;
  - 1.1.5 Calon/waris boleh menghubungi SPP JPN/PPD/Pengetua/guru kelas untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai pusat peperiksaan;
  - 1.1.6 Segala keperluan calon untuk menduduki peperiksaan akan diuruskan oleh pihak sekolah; dan
  - 1.1.7 Pengetua bertanggungjawab menguruskan kebajikan calon peperiksaan.

- 1.2 Sekolah dan pusat peperiksaan dinaiki air sebahagian;
  - 1.2.1 Pusat peperiksaan kekal di sekolah asal; dan
  - 1.2.2 Pusat peperiksaan dipindahkan ke kelas/bangunan yang lebih tinggi.
- 1.3 Sekolah dijadikan sebagai pusat pemindahan sementara (PPS)
  - 1.3.1 Pusat peperiksaan dikecualikan daripada dijadikan PPS; dan
  - 1.3.2 Jika sekolah berkenaan terpaksa dijadikan PPS, perlu diletakkan di bangunan yang berjauhan dari pusat peperiksaan tanpa berkongsi kemudahan.

## **2.0 PENGURUSAN CALON PEPERIKSAAN**

- 2.1 Jika calon tinggal di asrama sekolah, mereka boleh hadir ke pusat peperiksaan tersebut
- 2.2 Calon yang tinggal di luar sekolah hadir ke pusat peperiksaan asal/alternatif seperti biasa atau hadir dengan bantuan agensi dalam Jawatankuasa Keselamatan Peperiksaan.
  - 2.2.1 Jika calon lewat sampai ke pusat peperiksaan dalam tempoh 30 minit pertama, calon tersebut dibenarkan menduduki peperiksaan dan akan diberikan masa gantian yang hilang.
  - 2.2.2 Jika calon lewat sampai ke pusat peperiksaan melebihi 30 minit pertama, calon tersebut dibenarkan menduduki peperiksaan penjadualan semula.

- 2.3 Jika calon tidak dapat hadir ke pusat peperiksaan, calon tersebut perlu menghubungi guru kelas/Setiausaha Peperiksaan/Pengetua.
- 2.3.1 Pihak sekolah akan membantu atau memaklumkan tentang pusat peperiksaan untuk calon menumpang.
- 2.3.2 Jika calon tidak sempat menduduki peperiksaan, calon tersebut dibenarkan menduduki peperiksaan penjadualan semula.
- 2.3.3 Pengetua/SPP JPN mengemaskini data calon yang tidak dapat menduduki peperiksaan untuk penjadualan semula.
- 2.4 Jika calon ditempatkan sementara di sekolah
- 2.4.1 Kebajikan calon tersebut diuruskan oleh pihak sekolah dengan bantuan Jawatankuasa Keselamatan Peperiksaan Negeri.
- 2.4.2 Calon hadir ke pusat peperiksaan asal seperti biasa.
- 2.5 Calon yang berada di pusat pemindahan sementara;
- 2.5.1 Hadir ke pusat peperiksaan asal/alternatif seperti biasa atau dengan bantuan agensi dalam Jawatankuasa Keselamatan Peperiksaan.
- 2.6 Jika calon tidak dapat hadir ke pusat peperiksaan /tidak dapat dihubungi, pengetua/SUP hendaklah mengemaskini status calon berkenaan bagi menduduki peperiksaan penjadualan semula.
- 2.7 Calon yang terkesan banjir dibenarkan untuk menduduki peperiksaan di pusat peperiksaan lain yang boleh diakses

sebagai calon menumpang dan memaklumkan kepada pihak sekolah (pusat peperiksaan asal).

### **3.0 PENGURUSAN PETUGAS PEPERIKSAAN**

3.1 Petugas peperiksaan boleh hadir ke pusat peperiksaan secara biasa atau dengan bantuan agensi dalam Jawakuasa Keselamatan Peperiksaan.

3.2 Jika petugas peperiksaan tidak dapat hadir ke pusat peperiksaan asal, perlu menghubungi Penyelia Kawasan/Ketua Pengawas.

3.2.1 Pihak JPN/PPD akan membantu atau memaklumkan tentang pusat alternatif untuk bertugas.

3.2.2 Jika tidak dapat hadir, petugas peperiksaan akan digantikan dengan petugas peperiksaan lain.

### **4.0 PENGURUSAN BILIK KEBAL**

4.1 Jika bilik kebal dinaiki air, Semua bahan sulit peperiksaan akan dipindahkan ke bilik kebal alternatif/Balai Polis berhampiran dengan bantuan agensi dalam JK Keselamatan Peperiksaan

4.1.1 JPN/PPD akan memaklumkan semua petugas peperiksaan dan balai polis yang terlibat.

4.2 Bilik kebal yang tidak naiki air, semua bahan sulit peperiksaan tidak dipindahkan.

4.2.1 JPN/PPD akan memaklumkan semua petugas peperiksaan yang terlibat.

- 4.3 Laluan ke bilik kebal yang dinaiki air, semua bahan sulit peperiksaan akan dibawa oleh petugas peperiksaan dengan bantuan agensi dalam Jawatankuasa Keselamatan Peperiksaan.
- 4.4 Jika pusat peperiksaan alternatif berjauhan daripada bilik kebal asal, bahan sulit peperiksaan di bilik kebal berkenaan akan dipindahkan ke bilik kebal yang berdekatan dengan pusat peperiksaan alternatif.

## **5.0 PENGURUSAN MAKLUMAT BILIK GERAKAN BANJIR**

- 5.1 Beroperasi di peringkat KPM, JPN & PPD.
- 5.2 Nombor telefon yang boleh dihubungi sepanjang masa.
- 5.3 Menerima dan menyalurkan maklumat status terkini berkaitan situasi banjir.
- 5.4 Memohon bantuan agensi dalam JK Keselamatan Peperiksaan.

**LAMPIRAN 2****NOMBOR TALIAN BILIK GERAKAN LEMBAGA PEPERIKSAAN  
DAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI**

<b>LEMBAGA PEPERIKSAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA 03-8889 3520 03-8889 3601</b>		
<b>NEGERI</b>	<b>NAMA</b>	<b>NO. TELEFON</b>
PERAK	SPP PERAK	05-5015176
SELANGOR	SPP SELANGOR	03-55186120
PAHANG	SPP PAHANG	09-5736699
KELANTAN	SPP KELANTAN	09-7441411
SABAH	SPP SABAH	010-9556458
JOHOR	SPP JOHOR	07-2310003
KEDAH	SPP KEDAH	04-7404236
MELAKA	SPP MELAKA	06-2326467
NEGERI SEMBILAN	SPP NEGERI SEMBILAN	06-7653149
PULAU PINANG	SPP PULAU PINANG	04-2631472
PERLIS	SPP PERLIS	04-9737632
SARAWAK	SPP SARAWAK	082-473507
TERENGGANU	SPP TERENGGANU	09-6213038
W.P LABUAN	SPP LABUAN	087-468623
W.P PUTRAJAYA	SPP PUTRAJAYA	03-88890000
W.P KUALA LUMPUR	SPP KUALA LUMPUR	03-62046180

– TAMAT –